



Sepanjang tahun lalu, sebanyak 1,440 kes jenayah direkodkan membabitkan pelajar di seluruh negara dalam pelbagai kesalahan. Angka ini menunjukkan peningkatan 138 kes berbanding 2016 dengan 1,302 kes. Statistik ini sewajarnya menyedarkan semua pihak terutamanya ibu bapa. Jadi usaha menangani jenayah dalam kalangan pelajar perlu digembleng secara bersepada oleh semua pihak tebabit, baik secara langsung maupun tidak langsung.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Kepolisian Komuniti Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) Bukit Aman Datuk Dr Mustafa Khan Abdul Samat, antara kes jenayah membabitkan pelajar termasuklah bunuh, rogol, mendatangkan kecederaan, curi kenderaan, rugut, narkotik dan pecah rumah. Walaupun masalah jenayah dalam kalangan pelajar bukan perkara baru, pendedahan laporan secara angka dan statistik seperti ini cukup mengerunkan dan boleh mencetuskan cemas dalam kalangan ibu bapa.

Ironinya ada ketikanya kita susah percaya dan menerima kenyataan betapa pelajar sekolah berusia belasan tahun boleh terbabit dengan pelbagai salah laku jenayah serius seperti ini mengalahkan golongan dewasa. Namun itulah yang sedang berlaku dalam masyarakat kita. Anak yang sepatutnya duduk di bilik darjah menumpukan perhatian pada pelajaran dan memenuhi impian serta harapan ibu bapa kelihatan mudah terpesong lalu terpengaruh sehingga terbabit aktiviti tidak bermorai tanpa menyedari ia bakal menghancurkan masa depan mereka sendiri.

Banyak faktor menyumbang kepada gejala salah laku pelajar sekolah ini, antaranya kurangnya perhatian daripada ibu bapa, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh Internet. Harus diakui tekanan kehidupan dan ekonomi yang memuncak menyebabkan ibu bapa terpaksa menumpukan perhatian dalam aspek kerjaya masing-masing. Ini dalam banyak situasi menyebabkan kehidupan anak terabai dan tidak mendapat kasih sayang dan tumpuan sepututnya. Walaupun kelihatan ibu bapa berusaha mencari rezeki sebaik mungkin untuk menyara keluarga, dalam keghairahan itu mereka lupa dan leka tanggungjawab terhadap kebijakan serta keselamatan anak.

Jadi besarlah harapan agar ibu bapa segera ambil iktibar dengan pendedahan ini dan perbetulkan kesilapan masing-masing. Ingat tiada gunanya kita memiliki harta kekayaan dan wang ringgit banyak andai kehidupan anak terabai dan hanyut dengan pelbagai pengaruh tidak sihat. Biarlah seimbang tanggungjawab kita, baik daripada as-

Tangani jenayah pelajar sekolah



pek mencari rezeki untuk keluarga maupun menunaikan tanggungjawab sebagai ibu dan bapa kepada anak. Kita juga berharap ibu bapa memberikan didikan agama sempurna kepada anak supaya menjadi benteng dalam kehidupan sehari-hari mereka agar tidak terpengaruh dengan gejala negatif.

Ibu bapa juga perlu memantau gerak-geri dan aktiviti anak, terutamanya dengan siapa mereka berkawan dan bergaul. Banyak ka-

jian menunjukkan anak mudah terpengaruh dengan rakan sebaya. Malah mereka dikatakan lebih yakin dan percaya kepada rakan daripada ahli keluarga sendiri. Jadi pengaruh rakan ini cukup besar dalam kehidupan remaja kita, kalau baik dan betul pilihan kawannya maka kita tidak perlu risau, tetapi sebaliknya jika mereka salah pilih kawan, kemungkinan rosak dan musnah masa depan mereka. Oleh itu ibu bapa tidak boleh lalai dalam soal pemantauan ini.

Letusan teknologi maklumat, disamping mendatangkan banyak kebaikan, ia turut mencetuskan pelbagai pengaruh dan ancaman tidak sihat dalam kalangan anak. Internet kalau digunakan untuk tujuan baik akan banyak memberi kemudahan kepada kita, tetapi sebaliknya jika kita leka ia boleh menjadi senjata yang merosakkan akhlak dan moral anak. Jadi dalam keghairahan kita membelikan pelbagai gajet untuk anak, kita juga perlu pastikan mereka tidak salah guna atau mengakses perkara tidak elok. Sekali lagi ibu bapa perlu memantau penggunaan kemudahan ini.

Kita juga berharap pihak sekolah terus menjadi mata dan telinga ibu bapa dan pihak berkuasa. Walaupun kebanyakkan aktiviti jenayah berlaku di luar sekolah, kita yakin guru dapat menghindu gerag-geri anak murid yang mencirikan ketika di kawasan sekolah. Kita harap guru dan pihak sekolah sentiasa memantau pelajar bersama-sama atau disyaki agar dapat bertindak segera. Bertindak di sini bermaksud pihak sekolah perlu segera melaporkan kepada ibu bapa dan jika melibatkan kes serius, segera melaporkan kepada pihak berkuasa. Ini akan membantu menyelamatkan masa depan anak. Kita juga berharap tidak ada lagi sekolah cuba menutup sebarang kes yang sudah berlaku atau dapat


dikenal pasti semata-mata untuk menjaga imej dan nama baik sekolah. Tindakan seperti ini bukan saja memburukkan lagi keadaan, malah jika lambat kita khawatir nasi akan menjadi bubur dan kita tidak dapat menyelamatkan pelajar berkenaan.

Dalam pada itu kita juga berharap pihak berkuasa terus membantu menangani masalah jenayah pelajar sekolah ini. Kita hargai segala inisiatif dan usaha yang dilakukan pihak polis selama ini termasuk menugaskan Pegawai Perhubungan Sekolah dan diharap kerjasama erat antara polis, sekolah dan komuniti akan terus membantu membendung masalah salah laku dan jenayah dalam kalangan pelajar dan remaja.

Anak hari ini adalah generasi pewaris masa depan. Baik ibu bapa, masyarakat maupun negara secara keseluruhan meletakkan harapan tinggi kepada golongan remaja ini. Jadi kita tidak boleh membiarkan generasi ini hanyut dengan pelbagai masalah jenayah dan sosial hingga memudaraskan masa depan mereka, keluarga dan negara. Marilah kita berganding bahu membantu menangani masalah jenayah dalam kalangan pelajar dan remaja kita.

Penulis Timbalan Pendaftar Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia

Dialog Kotaraya



Oleh Juragan